

**NO SOALAN :62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA           : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)**

**PERTANYAAN       : LISAN**

**TARIKH           : 10.03.2015**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan alasan-alasan untuk peningkatan hutang luar negeri RM740 bilion pada suku ketiga 2014 berbanding RM43 bilion dari 1990 hingga 2013 dan kesannya kepada kewangan Kerajaan dan ekonomi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang luar negeri Malaysia berada

pada paras RM740.7 bilion pada suku ketiga 2014, lebih tinggi berbanding jumlah hutang luar negeri pada 1990 iaitu RM41.5 bilion dan RM196 bilion pada akhir 2013. Peningkatan jumlah hutang luar negeri yang ketara ini adalah disebabkan oleh definisi baharu bagi hutang luar negeri yang digunakan mulai tahun 2014. Langkah penggunaan definisi baharu ini adalah selaras dengan keperluan pelaporan hutang diperingkat antarabangsa. Berikutan itu, hutang luar negeri kini terdiri daripada:

- i. pinjaman luar pesisir oleh Kerajaan Persekutuan, perusahaan awam dan sektor swasta; dan
- ii. pegangan sekuriti hutang, deposit dan kredit perdagangan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin.

3. Hutang luar negeri berdasarkan definisi baharu adalah lebih tinggi, mencerminkan paras pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin yang tinggi, yang mencakupi hampir dua pertiga daripada peningkatan hutang luar negeri. Ini adalah disebabkan oleh kedalaman (*depth*), keterbukaan (*openness*) dan daya tarikan (*attractiveness*) yang lebih meluas terhadap pasaran kewangan Malaysia. Pada masa yang sama, penggunaan definisi semula hutang luar negeri ini

membolehkan Kerajaan menilai pendedahan risiko kepada bukan pemastautin dengan lebih baik. Pada akhir 2014, hutang luar negeri Malaysia adalah berjumlah RM744.7 bilion atau 69.6% daripada KDNK. Sungguhpun begitu, adalah penting untuk diberi perhatian bahawa **hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan kekal rendah pada RM16.8 bilion atau 1.6% daripada KDNK.**

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2014 adalah sebanyak RM582.8 bilion atau 54.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).** Daripada jumlah berkenaan, **97.1% atau RM566.1 billion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM16.8 billion atau 2.9% merupakan pinjaman luar persisir.** Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

5. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan

Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampung sebarang krisis.